Consumer Association of Penang (CAP) president Mohideen Abdul Kadir said for the past two weeks, prices of some vegetables have increased to almost 200%.

He said among the vegetables that saw a huge rise in prices were broccoli (150%), beans (88%), cabbage (50%), red chilli (46%) and green chili (40%).

He said the relevant agencies, such as the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry and Federal Agricultural Marketing Authority, must take immediate steps to bring down the prices.

"CAP has also received complaints from vegetable retailers that distributors and wholesalers have warned them that the prices of other vegetables might increase in the coming weeks, he said.



**So expensive:** The price of broccoli is up 150%, while red chilli has almost doubled.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/11/2021 | NST | NEWS IN BRIEF | 13 |

# CAP urges Fama, ministry to act over skyrocketing prices of veggies

AUDREY DERMAWAN
**GEORGE TOWN**
news@nst.com.my

THE Consumers' Association of Penang (CAP) has urged the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry and the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) to take immediate steps to reduce the prices of vegetables, which have shot up in recent days.

CAP president Mohideen Abdul Kader said checks showed that the prices of some vegetables had increased by up to 200 per cent in the past two weeks.

He said several retailers had complained that distributors and wholesalers had also warned them that the prices of other vegetables might go up in the coming weeks.

"As such, CAP calls on the enforcement division of the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry to investigate the price increases as average income earners will be badly affected by escalating prices of vegetables.

"Authorities must also crackdown on traders who hike their prices excessively and violate the Anti-Profiteering Act 2010," he said yesterday.

Checks showed that prices of *sawi pendek* (choy sum) had increased from RM3 per kg to RM9 per kg, a hike of 200 per cent; broccoli from RM8 per kg to RM20 per kg, an increase of 150 per cent; and, cauliflower from RM7 per kg to RM16 per kg, a rise of 100 per cent.

Others included french beans (kacang buncis) from RM8 per kg to RM15 per kg (88 per cent increase), sawi from RM5 per kg to RM8 per kg (60 per cent increase), cabbage from RM4 per kg to RM6 per kg (50 per cent increase), red chili from RM13 per kg to RM19 per kg (46 per cent increase) and green chili from RM10 per kg to RM14 per kg (40 per cent increase).

Mohideen said CAP had repeatedly called on Fama to take control of the marketing and distribution of vegetables in the country.

"Unfortunately, our calls have fallen on deaf ears," he added.



*Checks in several Penang markets have found the prices of some vegetables have increased by up to 200 per cent in the past two weeks.* FILE PIC

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/11/2021 | KOSMO | MUKA DEPAN | 1 |

# Harga sayur melonjak, kobis bunga kini RM16 sekilogram



LAPAN jenis sayuran di Pulau Pinang dikesan mengalami kenaikan mendadak sehingga mencecah 200 peratus iaitu kubis bunga, sawi pendek, sawi, brokoli, kacang buncis, kubis, cili merah dan cili hijau. » BERITA DI MUKA 8

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 24/11/2021 | KOSMO | NEGARA | 8 |

Peniaga Pulau Pinang terpaksa berdepan kerugian, barangan basah tak laku

# Harga sayur naik dua kali ganda

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

GEORGE TOWN – Harga beberapa jenis sayur-sayuran di negeri ini mengalami kenaikan sebanyak 40 hingga 200 peratus dalam tempoh dua minggu kebelakangan ini.

Kenaikan sebanyak RM2 hingga RM12 mengikut jenis sayur itu dikesan di beberapa pasar di Bayan Baru, Taman Tun Sardon, Jelutong, Batu Lanchang, Ayer Itam dan Pulau Tikus di bahagian pulau oleh Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP).

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader berkata, lapan jenis sayuran yang mengalami kenaikan harga adalah kubis bunga, sawi pendek, sawi, brokoli, kacang buncis, kubis, cili merah dan cili hijau.

"Harga kobis bunga meningkat kepada RM16 berbanding RM7 sekilogram sebelum ini, harga sawi pendek atau choy sum pula RM9 berbanding RM3, manakala harga brokoli naik daripada RM8 kepada RM20," katanya di sini semalam.

Selain itu, harga sekilogram sawi meningkat kepada RM8 berbanding RM5, kacang buncis (RM15 berbanding RM8), kubis (RM6 berbanding RM4), cili merah (RM19 berbanding RM13) dan cili hijau (RM14 berbanding RM10).

Mohideen memberitahu, peniaga mendakwa mereka diberi amaran oleh pemborong bahawa harga beberapa sayuran lain juga akan meningkat dalam masa terdekat.

"CAP menyeru pasukan penguat kuasa agar menyiasat perkara ini kerana golongan berpendapatan rendah akan terjejas teruk sekiranya harga barangan meningkat," ujarnya.



SEORANG peniaga menimbang sayur semasa tinjauan kenaikan harga barangan basah di Pasar Awam Bayan Baru, Bayar Lepas, Pulau Pinang semalam.

Sementara itu, rata-rata peniaga di beberapa pasar awam di daerah Barat Daya dan Timur Laut mengakui mereka berdepan keluhan dan rungutan daripada pelanggan disebabkan kenaikan barangan basah tersebut.

Wakil peniaga di pasar awam daerah Barat Daya, Izam Abd. Hamid, 42, berkata, pihaknya berdepan dengan isu kenaikan harga sayur-sayuran daripada peringkat pemborong di negeri ini sejak minggu lalu.

"Mereka (pemborong) langsung tidak memberi sebarang alasan tentang kenaikan ini, jadi kami mengagak berkemungkinan disebabkan cuaca hujan sehingga menjejaskan pengeluaran sayur-sayuran.



MOHD. RIDZUAN

"Selain itu, kami tidak menolak kemungkinan kenaikan harga sayur berpunca daripada kenaikan harga baja tanaman di peringkat pekebun," katanya ketika ditemui Kosmo! semalam.

Justeru, Izam memberitahu, isu kenaikan harga sayur-sayuran itu perlu dijelaskan oleh pihak yang berkaitan dan diselesaikan di peringkat akar umbi.

Jelas Izam, berikutan itu, dia terpaksa menaikkan harga sayur-sayuran sebanyak RM1 hingga RM2 selain berdepan kerugian berikutan jualan merosot sehingga terpaksa membuang sayur-sayuran yang rosak dan layu.

"Sebelum ini, sebiji brokoli dengan anggaran berat tidak sampai setengah kilogram dijual pada harga RM5, tetapi hari ini dijual RM10 sebiji.

"Kubis pula dijual pada harga RM6.80 (425 gram) berbanding RM3.40 dengan berat yang sama pada awal bulan ini," jelas peniaga itu.

Dalam pada itu, Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Pulau Pinang, Mohd. Ridzuan Ab. Ghapar memaklumkan, pihaknya akan segera menjalankan siasatan berhubung isu tersebut.

Beliau tidak menolak kemungkinan faktor cuaca menjadi salah satu punca kenaikan harga sayur-sayuran ketika ini.

Walau bagaimanapun, katanya, tindakan tegas boleh dikenakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 sekiranya terdapat keraguan berhubung kenaikan harga barangan secara tidak munasabah.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/11/2021 | SINAR HARIAN | NEGERI PERAK/ P.PINANG/KEDAH | 24 |

# Lapan jenis sayur naik harga - CAP

## KPDNHEP, FAMA digesa ambil tindakan segera

Oleh SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI

**GEORGETOWN**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) digesa supaya mengambil tindakan segera dalam menangani masalah kenaikan harga sayur.

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader berkata, harga beberapa jenis sayur-sayuran di pasaran didapati naik sehingga 200 peratus sejak dua minggu lalu.

Katanya, lapan jenis sayuran didapati naik harga antaranya kubis bunga, sawi pendek, brokoli, sawi, kacang buncis, kubis, cili merah dan cili hijau.

"Harga kubis bunga sebelum ini hanya RM7 sekilogram (kg) namun kini naik sehingga RM16. Paling teruk, sawi pendek yang didapati naik sehingga 200 peratus iaitu daripada RM3 ke RM9.

"Brokoli juga naik mendadak iaitu sebanyak 150 peratus iaitu daripada RM8 ke RM20.

"Sementara itu, harga sawi naik daripada RM5 ke RM8(60 peratus); kacang buncis daripada RM8 ke RM15 (88 peratus); kubis daripada RM4 ke RM6 (50 peratus), cili merah daripada RM13 ke RM19 (46 peratus) dan cili hijau daripada RM10 ke RM14 (40 peratus)," kata Mohideen dalam satu kenyataan pada Selasa.

Tambahnya, lebih merunsingkan, peruncit mendakwa mereka diberitahu oleh pengedar dan pemborong bahawa kemungkinan harga sayur-sayuran lain juga akan naik.

"Mereka mendakwa bahawa sayur-sayuran lain juga akan naik beberapa minggu akan datang. Perkara ini amat membimbangkan.

"Sehubungan itu, CAP menggesa Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP untuk menyiasat kenaikan harga ini.

"Perkara ini akan memberi impak kepada golongan berpendapatan rendah. Golongan ini akan terjejas teruk dengan kenaikan harga barang seperti sayur-sayuran ini," katanya.

Beliau turut menggesa agar tindakan keras terhadap peniaga yang menaikkan harga secara berlebihan serta melanggar Akta Anti-Pencatutan 2010.

"CAP juga telah berulang kali meminta agar FAMA mengawal pemasaran dan pengedaran sayur-sayuran di negara ini tetapi gesaan kami tidak diendahkan," kata beliau.

**INFO**

| JENIS | HARGA SEBELUM/KG | HARGA TERKINI/KG |
|---|---|---|
| Kubis bunga | RM7 | RM16 |
| Sawi pendek | RM3 | RM9 |
| Brokoli | RM8 | RM20 |
| Sawi | RM5 | RM8 |
| Kacang buncis | RM8 | RM15 |
| Kubis | RM4 | RM6 |
| Cili merah | RM13 | RM19 |
| Cili hijau | RM10 | RM14 |



Harga beberapa jenis sayur-sayuran didapati naik mendadak. - *Gambar hiasan*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 24/11/2021 | SINAR HARIAN | PERKASAKAN SUARA MALAYSIA | 28 |

# Tiga penyeludup beras, minyak masak ditahan

**PASIR MAS** - Tiga lelaki dipercayai geng penyeludup minyak masak dan beras di Thailand dan Malaysia ditahan di sebuah rumah di Kampung Alor Lenggok di sini pada Isnin.

Turut dirampas dalam serbuan pada jam 11.59 malam ialah 48 guni beras Siam pelbagai jenama seberat 1,300 kilogram dan 104 kotak minyak masak seberat 1,768 kilogram.

Ketua Polis Daerah Pasir Mas, Asisten Komisioner Mohd Nasaruddin M Nasir berkata, kesemua suspek yang ditahan berusia 26, 27 dan 32 tahun.

"Hasil siasatan awal mendapati suspek mengaku menyimpan minyak masak tersebut untuk diseludup masuk ke negara jiran manakala beras diseludup masuk dari Thailand untuk pasaran tempatan," katanya dalam kenyataan pada Selasa.



**Antara barang yang dirampas dalam serbuan di sebuah rumah di Kampung Alor Lenggok, Pasir Mas pada Isnin.**

Tambah beliau, tangkapan dan barang kes akan diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pasir Mas dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) untuk tindakan lanjut.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/11/2021 | KOSMO | NEGARA | 16 |

# Projek ladang e-satelit jamin rantaian makanan

**LARUT** – Sebuah lagi projek ladang e-satelit diusahakan di Kampung Tapah, Ulu Selama di sini sebagai inisiatif kerajaan untuk meningkatkan bekalan makanan bagi keperluan negara.

Ladang e-Satelit merupakan projek pengeluaran sayur-sayuran yang menggunakan sistem Internet of Thing (IOT) melibatkan penggunakan teknologi dalam aktiviti membaja dan meracun tanaman.

Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Azulita Salim berkata, projek Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) itu menggunakan sistem fertigasi pintar dijangka mampu menarik golongan muda untuk menceburkan diri dalam sektor pertanian.

Menurut beliau, 10 buah ladang e-satelit bernilai RM3 juta akan dibangunkan di seluruh negara mulai tahun depan.

"LPP memilih untuk melaksanakan projek ladang e-satelit di Kampung Tapah dengan peruntukan RM300,000 untuk tanaman cili jenis variasi Sekata yang akan dilaksanakan pada bulan Disember ini.

"Projek itu dilaksanakan selepas kejayaan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat, Selangor memajukan pelbagai tanaman sayur -sayuran secara fertigasi mengunakan kaedah e-satelit," ujarnya.



**AZULITA menanam pokok cili Sekata sebagai simbolik perasmian ladang e-satelit di Kampung Tapah, Ulu Selama semalam.**

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja dan perasmian Projek Ladang e-Satelit (IOT) Sayuran Fertigasi dan Perjanjian Ladang Kontrak PPK Selama di Kampung Tapah, Ulu Selama semalam.

Projek di Kampung Tapah berkenaan membabitkan kawasan seluas 1.33 hektar dengan 10,000 pokok cili variasi Sekata yang ditanam dalam polibag.

Kata Azulita, sistem e-Satelit lebih teratur kerana dapat mengawal tanaman termasuk penggunaan baja, air dan racun serta pengawalan cuaca dan menjimatkan tenaga buruh.

"Projek ini telah terbukti selamat untuk dimakan, menjimatkan kos dan mampu meningkatkan pendapatan 40 peratus dan lebih 22 peratus hasil pengeluaran yang diusahakan," ujarnya.

Hasil tuaian pula akan dipasarkan di rangkaian kedai Peladang dan di pasar raya terpilih.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 24/11/2021 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 12 |

# Teraju dasar sekuriti makanan negara

## Hab Lembu Pedaging Felda Sahabat di Sabah pemangkin kepada bekalan makanan negara dan pendapatan peserta

**Oleh NURUL HUDA HUSAIN**

**LAHAD DATU**

Hab Lembu Pedaging Felda Sahabat di sini membabitkan kawasan seluas 6,837.46 hektar diyakini menjadi peneraju Dasar Sekuriti Makanan Negara dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, keyakinan itu bersandarkan potensi dan kelebihan Felda yang mempunyai tanah luas dan bebas penyakit.

Felda Sahabat juga mempunyai akses pasaran sehingga ke Brunei, selain memiliki kemudahan logistik yang disokong fasiliti pelabuhan berdekatan.

"Hab lembu pedaging akan dilaksanakan dengan dana permulaan RM12.4 juta yang merupakan sebahagian daripada inisiatif Program Pembangunan Peneroka (PPP).

"Sebanyak 2,100 ekor lembu akan diterima sehingga Jun tahun depan secara berperingkat dengan berkonsep penternakan integrasi serta perdagangan.

"Felda optimis mengunjurkan kapasiti pengembangan sehingga 6,000 ekor lembu dalam tempoh tiga tahun ini," katanya pada Majlis Perasmian Hab Lembu Pedaging PPP di Felda Wilayah Sahabat di sini pada Sabtu.

Turut hadir, Pengerusi Felda, Datuk Seri Idris Jusoh.

Mustapa berkata, projek lembu pedaging turut dilaksanakan dengan Koperasi Sahabat Satu hingga Lima membabitkan seramai 871 ahli koperasi yang terdiri daripada peneroka.

"Menerusi projek ini, kita jangka dalam tempoh tiga hingga empat tahun lagi, semua peserta mendapat pendapatan tambahan RM1,000 setiap orang.

"Sebab itu, kerajaan memandang serius projek ini kerana ia berpotensi besar selain memberi manfaat kepada peneroka terbabit," katanya.





**Mustapa memasang tanda pada telinga seekor lembu ketika melawat pusat ternakan lembu selepas merasmikan Hab Lembu Pedaging Felda Sahabat di Bandar Anjung Teduh pada Selasa.**

Jelasnya, antara lain objektif pelaksanaan projek itu ialah untuk menjadikan Sabah sebagai pengeluar lembu pedaging yang besar dalam negara.

"Kita difahamkan Sabah hanya mengeluarkan 10 peratus atau kira-kira 2,000 daripada 50,000 keperluan tahunan lembu pedaging," katanya.

Mustapa berkata, sebanyak RM132 juta diluluskan daripada dana PPP yang berjumlah RM1 bilion setakat ini.

Jelasnya, kelulusan itu melibatkan 6,513 projek PPP di seluruh negara yang bertujuan membantu meningkatkan pendapatan peneroka Felda.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/11/2021 | HARIAN METRO | LOKAL | 23 |

# Hapus curiga status halal daging import

## *Perkenal tiga mekanisme baharu pengurusan kemasukan daging*

Bernama

**Putrajaya**

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam berkata, tiga mekanisme baharu akan dilaksanakan bagi memastikan pengurusan kemasukan produk daging import halal dari luar negara ke Malaysia terjamin.

Beliau berkata, mekanisme dilaksanakan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) bersama beberapa agensi berkaitan itu adalah rentetan daripada episod kartel daging import pada Disember tahun lalu yang membuka mata banyak pihak mengenai kepentingan sistem pengurusan rantaian bekalan halal di Malaysia.

Berucap merasmikan Persidangan Halal Kebangsaan 2021 secara maya semalam, Ismail Sabri berkata, pelaksanaan mekanisme itu mensyaratkan produk berasaskan haiwan import yang disimpan di gudang untuk mempunyai Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) di bawah skim logistik kategori penggudangan.

"Produk berasaskan haiwan yang diimport perlu menggunakan rangkaian pengangkutan mempunyai SPHM di bawah skim logistik kategori pengangkutan," katanya.

Selain itu, katanya prosedur mandatori pembungkusan semula yang mewajibkan syarikat mendapatkan pensijilan halal Malaysia di bawah skim produk makanan turut diwujudkan.

Isu kartel daging import mula mendapat perhatian ramai pada Disember lalu selepas media melaporkan taktik kartel yang menyeludup daging sejuk beku dari luar negara sebelum membungkus semula daging berkenaan menggunakan logo halal dan menjualnya di pasaran seluruh Malaysia.




Dalam pada itu, bagi memperkasakan pensijilan halal Malaysia, Ismail Sabri berkata, Jakim juga sedang membangunkan Sistem Maklumat Bersepadu Halal yang akan menjadi pangkalan data halal dengan kos RM3.4 juta.

Pangkalan data itu merangkumi enam sistem iaitu MYeHALAL (domestik), MYeHALAL (antarabangsa), Sistem Cetakan Sijil Elektronik (e-Cert Print System), Malaysia International Halal Authority Board (MyIHAB), Modul Permohonan Rumah Sembelihan Luar Negara dan Modul Pengurusan Ramuan Produk Halal Malaysia (MyHALAL Ingredients).

Sebagai contoh, katanya melalui MyIHAB, Jakim dapat mengawal selia 84 badan pensijilan halal luar negara daripada 46 negara yang diiktiraf oleh Jakim.

"Insya-Allah, melalui perancangan yang dijangka bermula pada tahun 2023 nanti, Keluarga Malaysia akan dapat menyemak status halal produk daripada luar negara melalui sistem ini," katanya.

Ismail Sabri yang turut melancarkan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020 dan Sistem Pengurusan Halal Malaysia 2020 berkata, Jakim kini sedang membangunkan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Antarabangsa) dan Modul Eksekutif Halal Antarabangsa.

"Kedua-dua manual yang sedang dibangunkan itu bertujuan memperkasakan sijil halal Malaysia di peringkat antarabangsa menerusi Program Pengantarabangsaan Persijilan Halal Malaysia yang akan membolehkan pemain industri luar negara memohon persijilan halal Malaysia secara terus daripada Jakim," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 24/11/2021 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 4 |


# Mekanisme baharu urus daging import

**Isu kartel daging buka mata banyak pihak kepentingan sistem pengurusan rantaian bekalan halal di Malaysia**

**PUTRAJAYA**

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada Selasa berkata, tiga mekanisme baharu akan dilaksanakan bagi memastikan pengurusan kemasukan produk daging import halal dari luar negara ke Malaysia terjamin.



ISMAIL SABRI

Beliau berkata, mekanisme dilaksanakan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) bersama beberapa agensi berkaitan itu adalah rentetan daripada episod kartel daging import pada Disember tahun lepas yang telah membuka mata banyak pihak mengenai kepentingan sistem pengurusan rantaian bekalan halal di Malaysia.

Berucap merasmikan Persidangan Halal Kebangsaan 2021 secara maya pada Selasa, Ismail Sabri berkata, pelaksanaan mekanisme itu mensyaratkan produk berasaskan haiwan import yang disimpan di gudang untuk mempunyai Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) di bawah skim logistik kategori penggudangan.

"Produk berasaskan haiwan yang diimport perlu menggunakan rangkaian pengangkutan mempunyai SPHM di bawah skim logistik kategori pengangkutan," katanya.

Selain itu, ujar beliau, prosedur mandatori pembungkusan semula yang mewajibkan syarikat mendapatkan pensijilan halal Malaysia di bawah skim produk makanan turut diwujudkan.

Isu kartel daging import mula mendapat perhatian ramai pada Disember lepas setelah media melaporkan taktik kartel yang menyeludup daging sejuk beku dari luar negara sebelum membungkus semula daging berkenaan dengan menggunakan logo halal dan menjualnya di pasaran seluruh Malaysia.

Dalam pada itu, bagi memperkasakan pensijilan halal Malaysia, Ismail Sabri berkata, Jakim juga sedang membangunkan Sistem Maklumat Bersepadu Halal yang akan menjadi pangkalan data halal dengan kos RM3.4 juta.

Pangkalan data itu merangkumi enam sistem iaitu MYeHALAL (domestik), MYeHALAL (antarabangsa), Sistem Cetakan Sijil Elektronik (e-Cert Print System), Malaysia International Halal Authority Board (MyIHAB), Modul Permohonan Rumah Sembelihan Luar Negara dan Modul Pengurusan Ramuan Produk Halal Malaysia (MyHALAL Ingredients).




*Sinar Harian* keluaran 2 Disember 2020.

Sebagai contoh, katanya, melalui MyIHAB, Jakim dapat mengawal selia 84 badan pensijilan halal luar negara dari 46 negara yang diiktiraf oleh Jakim.

"Insya-ALLAH, melalui perancangan yang dijangka bermula pada tahun 2023 nanti, Keluarga Malaysia akan dapat menyemak status halal produk daripada luar negara melalui sistem ini," katanya. - *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/11/2021 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 22 |



*Kesan tompokan putih pada pokok bakau di tebing Sungai Masai berhampiran Kampung Pasir Gudang Baru, Pasir Gudang, Johor, semalam.* (Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

# ‘Tompokan putih melekat’

## Penduduk gesa JAS segera bertindak elak beri kesan jangka panjang

Oleh Mary Victoria Dass
bhnews@bh.com.my

**Pasir Gudang:** Tompokan sisa putih yang mencemari Sungai Masai berhampiran Kampung Pasir Gudang Baru di sini sejak Jumaat lalu, didapati melekat pada pangkal pokok bakau di sungai berkenaan serta kelengkapan nelayan yang berlabuh di situ.

Ahli Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) Zon Rinting 2, Mohd Azizi Mohmad, berkata tinjauan pihaknya mendapati tompokan berkenaan jelas kelihatan.

Beliau berkata, ia bukan saja melekat pada enjin bot nelayan dan peralatan menangkap ikan, malah ratusan pangkal pokok bakau di pesisir kuala sungai berkenaan.

Pihaknya khuatir pencemaran berkenaan berpanjangan dan meninggalkan pelbagai kesan buruk sama ada kepada ekosistem, mahupun ekonomi kumpulan nelayan.


Sungai Masai kini dicemari tompokan putih 'tepung'

*Laporan BH, semalam.*

“Sudah lima hari nelayan tidak dapat meneruskan kegiatan menangkap ikan kerana pukat dan jaring tercemar akibat tompokan putih itu.

“Walaupun dicuci berulang kali kesannya sukar hilang. Sehingga kini kami juga tidak melihat atau dimaklum sebarang tindakan susulan oleh pihak berkaitan dan ia menimbulkan tanda tanya sehingga bila masalah ini berlarutan,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Johor Selatan, Azli Mohd Aziz, berkata Jabatan Alam Sekitar (JAS) seharusnya mempercepatkan tindakan.

Beliau berkata, sekiranya permasalahan berkenaan tidak ditangani, mungkin ia berulang.

“Sebagai nelayan tradisional, kami kecewa kerana perairan ini sentiasa menjadi sasaran pihak tidak bertanggungjawab.

“Kami juga memiliki keluarga dan tanggungan, sekiranya tidak dapat ke laut. Diharap JAS dapat mengenal pasti pihak yang melakukan perbuatan berkenaan dan ambil tindakan tegas,” katanya.

Sementara itu, Pengarah JAS Johor, Dr Mohd Famey Yusoff, ketika dihubungi menjangkakan keputusan analisa sampel pencemaran sungai berkenaan akan diperoleh dalam masa terdekat.

“Siasatan awal dapati pencemaran berkenaan bukan berpunca secara semula jadi. Kita perlu siasat dan dapatkan maklumat lebih terperinci memandangkan apa kita lihat (bahan) ini adalah beza daripada kejadian pencemaran yang lalu, ia menyamai serbuk,” katanya.

Pencemaran di Sungai Masai berlaku sejak Jumaat lalu mengundang kebimbangan penduduk dan kumpulan nelayan.

Sungai Masai sebelum ini dikenali sebagai ‘sungai kopi-o’ kerana air hitam dipercayai akibat pencemaran sisa kumbahan.

Selepas isu sungai hitam selesai, pencemaran sungai berkenaan berulang apabila terdapat tompokan putih yang turut berbau.

Ia dikhuatiri menjejaskan kehidupan laut dan fauna serta kesihatan penduduk sekitar.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 24/11/2021 | HARIAN METRO | KUBELA | 35 |

# MAHAL TAPI TETAP PILIHAN

## Ayam eksotik baka Sebringt Gold mudah dibela, jadi perhatian penternak

Oleh Hidayatidayu Razali
rencana@hmetro.com.my

FOTO NIK ABDULLAH NIK OMAR



MOHAMAD Firdaus bersama ayam spesies Poland.

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 pada Mac tahun lalu yang menyebabkan penduduk negara ini perlu berada di rumah mencetuskan idea kepada seorang penternak ikan sangkar untuk memelihara ayam eksotik atau hiasan.

Bermula dengan hanya sepasang ayam eksotik baka Sebringt Gold bernilai RM350 yang dibeli daripada seorang penternak pada Mac tahun lalu, kini dalam tempoh dua tahun sudah lebih 50 ayam yang berjaya dibiakkan.

Ayam berkenaan bukan sahaja dipelihara sebagai hobi untuk mengisi masa lapang, malah kini ianya turut memberi limpahan rezeki dan pendapatan lumayan kepada pemiliknya.

Harga ayam eksotik ini bergantung kepada baka dan keunikan warnanya yang pelbagai termasuk corak berbatik, mempunyai balung, kepak serta ekor yang menarik.

Keunikan ayam ini mampu menarik peminatnya dan boleh dijual dengan harga yang lebih tinggi mencecah ribuan ringgit sepasang.

Bagi Mohamad Firdaus Shafien, 33, yang tinggal di Kampung Kedai Buloh, Jalan Pantai Cahaya Bulan (PCB), Kota Bharu, Kelantan berkata, dia memelihara ayam pada asalnya untuk mengisi masa lapang memandangkan pelaksanaan PKP yang agak lama ekoran penularan pandemik Covid-19.

Bapa kepada seorang anak itu berkata, ketika PKP dia tidak dapat bekerja dan tidak boleh merentas daerah untuk memantau serta melihat ikan sangkar diusahakannya yang terletak di Pantai Seri Tujoh, dekat Tumpat.

Katanya, dia tinggal di Kampung Kedai Buloh, Kota Bharu dan tidak dapat untuk merentas daerah menyebabkan dirinya banyak berkurung di rumah.

"Sebelum menternak ayam eksotik, saya membuat kajian terlebih dahulu termasuk keadaan pasaran dan cara untuk menternak daripada rakan serta penternak haiwan berkenaan menerusi laman Facebook.

"Mereka tidak lokek apabila sentiasa sudi berkongsi ilmu cara-cara menternak ayam termasuk makanan yang sesuai dan cara penjagaan bagi mengelakkan penyakit," katanya.

Menurutnya, selepas yakin, dia mula mencari sepasang ayam dan tidak sangka percubaan ini membuahkan kejayaan apabila haiwan itu membiak dengan jayanya, hingga kini lebih 50 ekor yang sudah dibiakkan serta beberapa pasang sudah dijual.

Suami kepada Suhaily Suhana Yusoff, 35, itu berkata, dia dapat menternak ayam berkenaan dengan baik walaupun tidak mempunyai pengalaman dalam bidang itu, namun hasil tunjuk ajar daripada mereka yang mempunyai ilmu, dia mampu melakukannya.

Katanya, sangat penting untuk menuntut ilmu iaitu bertanya kepada penternak lain demi memastikan ayam yang dipelihara dapat membiak sekali gus mengelakkan sebarang penyakit selain dapat menghasilkan baka bermutu tinggi.

"Alhamdulillah, selepas hampir dua tahun menternak, kini terdapat lapan baka ayam eksotik yang saya pelihara iaitu Sebringt Gold dan Silver, Brahma, Giant Cochin, D'uccle, Wyandotten, Poland, Silkie dan Cemani.

"Ayam paling disayangi adalah baka Wyandotten dan Brahma kerana masing-masing bernilai tinggi iaitu lebih RM1,000 dan RM700 sepasang bagi yang dewasa. Walaupun kedua-dua jenis ayam ini mahal, namun tetap mendapat permintaan yang tinggi.

"Bagi anak ayam berusia dua minggu, harganya pula boleh dijual antara RM50 hingga RM70 seekor. Bagi sepasang anak ayam pula boleh mencecah lebih RM100," katanya.

Jelasnya, baka yang sukar diperoleh adalah Wyandotten kerana masih kurang orang yang menternak spesies ini dan harganya yang mencecah ribuan ringgit.

Justeru itu, Mohamad Firdaus berkata, dia sangat mengambil berat khususnya dari segi penjagaan telur bagi menjamin anak ayam yang dihasilkan bermutu tinggi.



AYAM spesies Gold Sebright Bantam.



ANAK ayam yang dibiakkan Mohamad Firdaus di Kampung Kedai Buloh.

"Bagi mereka yang ada baka yang baik, peminat ayam ini sanggup menempah ayam eksotik sebaik induk bertelur dan tunggu telur menetas.

"Sesetengah daripada penternak sanggup melabur dengan membeli inkubator telur yang berharga ratusan ringgit bagi memastikan proses pengeraman telur dapat dilakukan dengan baik," katanya.

Menurutnya, bagi memastikan keselesaan dan keselamatan ayam ini, dia membuat beberapa reban di belakang rumahnya selain semua baka diasingkan.

Katanya, memelihara ayam eksotik ini tidak rumit asalkan mempunyai ilmu yang cukup kerana jika tidak mahir, ayam yang dipelihara boleh terkena penyakit seterusnya akan mati.

"Oleh itu, ayam hiasan ini memerlukan vitamin dan nutrisi supaya tumbesarannya terjaga, malah keperluan lain seperti persekitaran yang selesa turut diberi perhatian oleh penternak.

"Ayam hiasan eksotik ini dibiakkan untuk menjadi baka yang asli supaya dapat diperoleh di negara ini dengan mudah pada masa depan," katanya.

Mohamad Firdaus berkata, ayam eksotik yang dipeliharanya turut dijual kepada peminat bukan sahaja dalam Kelantan, malah ada pembelinya dari luar negeri termasuk Kedah dan Terengganu.

"Bagi memastikan ayam ini sampai kepada pembeli, saya menggunakan penghantar barang khas supaya haiwan ini akan sampai kepada pembeli dengan selamat.

"Kepada mereka yang mahu menceburkan diri memelihara ayam eksotik ini, saya nasihatkan cari ilmu terlebih dahulu kerana haiwan ini mempunyai potensi pasaran yang besar. Jika diusahakan dengan bersungguh-sungguh ianya akan mendatangkan pulangan lumayan kerana mempunyai ramai peminat di negara ini," katanya.